



**TEKS UCAPAN
YB DATUK RAHMAT BIN MARIMAN
PENGERUSI JAWATANKUASA KESIHATAN
DAN ANTI DADAH NEGERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM MOBILISASI VAKSIN
KOMUNITI (MOVAK) OUTREACH 2.0 ANJURAN
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
DI NEGERI MELAKA
TARIKH: 27 OKTOBER 2021 (RABU) , MASA: 9.00 PAGI
BERTEMPAT DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI
PENGKALAN, ALOR GAJAH, MELAKA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Lafaz selawat kepada Rasul Junjungan, Nabi Muhammad SAW,
yang menjadi ikutan, dan suri tauladan sepanjang zaman.

*Allahuma Solli 'Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala A-li Sayyidina
Muhammad.*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia,
Menggamit Dunia.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS;

**YANG BERHORMAT DATO' SRI DR. HJ. ISMAIL
BIN HJ. ABD MUTTALIB,
TIMBALAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN (KPKT);**

**YANG BERHORMAT DATO' TS KAMEL MOHAMAD
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA**

**YANG BERBAHAGIA DATUK AZHAR BIN AHMAD
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
PERUMAHAN DAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI KPKT**

**YANG BERBAHAGIA DATUK HJ. MOHAMAD NAZRI
BIN MD. SHARIFF
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,
PERBADANAN PRIMA MALAYSIA**

**SETERUSNYA, DIF-DIF KEHORMAT, RAKAN-RAKAN MEDIA,
SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN.**

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, dengan izin-Nya, kita masih dapat berhimpun di **MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM MOBILISASI VAKSIN KOMUNITI (MOVAK) OUTREACH 2.0 NEGERI MELAKA.**
2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kerana sudi membantu menjayakan Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) Outreach 2.0 di Negeri Melaka. Pada petang ini, kita berasa cukup bertuah kerana menerima kunjungan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Yang

Berhormat Dato' Sri Dr. Hj. Ismail Bin Hj. Abd Muttalib yang sudi bertandang ke negeri bersejarah ini.

***Bunga Kesidang bertangkai lembut,
Dekat telaga di pohon sagu,
Tamudatang kita menyambut,
Rakyat Melaka ramah menunggu.***

3. Sasaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Negeri Melaka ialah bagi memastikan imuniti kelompok dengan mencapai 80% liputan daripada keseluruhan penduduk Negeri Melaka. Oleh itu, selain daripada 677,400 orang penduduk dewasa berumur 18 tahun dan ke atas (72.6% penduduk), sejumlah 85,600 orang kanak-kanak dan remaja berumur 12 hingga 17 tahun (7.4% penduduk) juga perlu diberikan vaksin.

4. Program PICK di Negeri Melaka telah bermula pada 26 Februari 2021. Sehingga 24 Oktober 2021, seramai 703,429 orang telah menerima vaksin Dos 1 iaitu 75.4% daripada keseluruhan populasi Negeri Melaka. Daripada jumlah ini, seramai 626,703 orang terdiri daripada dewasa berumur 18 tahun dan ke atas iaitu 92.5% daripada populasi dewasa dan 76,726 orang merupakan remaja berumur 12 hingga 17 tahun, iaitu 88.7% daripada jumlah keseluruhan remaja di Melaka.
5. Pemberian vaksin Dos 1 kepada remaja berumur 12 hingga 17 tahun di Negeri Melaka telah bermula pada 22 September 2021 di 13 buah PPV awam dan integrasi iaitu Dewan Tun Ali, Dewan Hang Tuah, Dewan MMU, Dewan Japerun Sg Udang, Dewan Japerun Ayer Molek, CTRM, PPV Encore, Dewan Kompleks

Sukan Masjid Tanah, Dewan CREATE, Dewan UITM, Dewan Hj Ahmad Ithnin, Dewan MPJ Umbai dan Dewan Alamanda.

6. Seterusnya, pemberian vaksin Dos Kedua remaja pula telah dijalankan melalui program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) 2.0. Negeri Melaka merupakan negeri pertama yang melaksanakan Program MOVAK Outreach 2.0 yang mensasarkan golongan remaja berumur 12 hingga 17 tahun. Program MOVAK Outreach 2.0 telah banyak membantu mempercepatkan proses vaksinasi remaja berumur 12 hingga 17 tahun khususnya remaja yang bersekolah di sekolah-sekolah di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Melaka. Program ini telah berlangsung di 6 lokasi di Daerah Melaka Tengah bermula pada 13 Oktober 2021 hingga 23 Oktober 2021 dan 4 lokasi di

Daerah Alor Gajah bermula pada 18 Oktober 2021 hingga 27 Oktober 2021. Enam buah sekolah yang dijadikan lokasi Program MOVAK Outreach 2.0 di Daerah Melaka Tengah ialah SMK Telok Mas, SMK Paya Rumput, SMK Malim, SMK Tinggi Perempuan, SM Munshi Abdullah dan SMK Bukit Katil manakala 4 buah sekolah yang menjadi lokasi Program MOVAK Outreach 2.0 di Daerah Alor Gajah merupakan SK Demang Taha, SMK Hang Kasturi, Kolej Teknik Md Zin dan SMK Sri Pengkalan. Seramai lebih kurang 200 orang kakitangan termasuk sukarelawan Perbadanan PR1MA Malaysia dan anak syarikat KKM iaitu Protect Health terlibat dalam program ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

7. Sehingga 24 Oktober 2021, seramai 22,359 orang telah menerima vaksin Dos 2 melalui Program MOVAK Outreach 2.0 di Daerah Melaka Tengah dan 10,085 orang telah divaksin di Daerah Alor Gajah. Jumlah keseluruhan penerima vaksin yang menerima vaksin melalui program ini adalah seramai 32,444 orang. Dengan itu, Program MOVAK Outreach 2.0 ini telah menyumbang kepada lebih kurang 37.5% daripada vaksinasi Dos 2 remaja 12 hingga 17 tahun di Melaka.

PENUTUP

8. Kerajaan Negeri Melaka mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan di atas segala bantuan dan kerjasama yang diterima dari semua pihak dalam menjayakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan ini khususnya bagi remaja, terutamanya kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Jabatan Pendidikan Negeri, Pegawai- pegawai Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, anggota keselamatan dan sukarelawan yang bersama-sama membantu.

Sekian. Wabillahi Taufik wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.